

<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum awda mengambil keputusan untuk memohon Taib Desposit Certificate. Sila pastikan juga awda membaca Terma dan Syarat Am dan Terma dan Syarat Taib Desposit Certificate. Dapatkan kepastian dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini serta terma-termanya.</p>	<p>TAIB DEPOSIT CERTIFICATE</p> <p>Maklumat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 25th September 2019</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Taib Desposit Certificate merupakan akaun deposit patuh Syarak yang berjangka panjang berdasarkan konsep Syariah <i>Mudharabah Muthlaqah</i>. Ia adalah kemudahan akaun pelaburan jangka panjang dan keuntungan dibayar (jika ada) pada tarikh matang. Jumlah deposit boleh dilaburkan semula (auto-rollover).</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Konsep Syariah yang diguna pakai adalah <i>Mudharabah Muthlaqah</i> • Ini merujuk kepada perjanjian antara pemegang akaun pelaburan (pembekal modal) dan Perbadanan TAIB (usahawan) di mana pemegang akaun Term Deposit bersetuju untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kewangan yang dijalankan oleh Perbadanan TAIB dan berkongsi keuntungan (jika ada) yang dihasilkan daripada aktiviti pelaburan berdasarkan kadar Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui. 	
<p>3. Apakah kadar perkongsian keuntungan?</p> <p>Kadar perkongsian keuntungan adalah 70 (TAIB): 30 (Pelanggan)</p>	
<p>4. Siapakah yang boleh memohon produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Individu atau Bersama <ul style="list-style-type: none"> ➢ Pemegang Kad Pengenalan Pintar (IC) kuning dan ungu ➢ Berumur 18 tahun dan ke atas • Korporat <ul style="list-style-type: none"> ➢ Pemilik tunggal, perkongsian dan syarikat, kelab dan persatuan, Badan berkanun dan kerajaan 	
<p>5. Apakah keistimewaan produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun deposit berjangka patuh Syarak • Awda mempunyai pilihan untuk memusing wang deposit permulaan secara automatik (<i>auto roll-over</i>) 	

<p>6. Berapakah deposit permulaan yang diperlukan?</p> <p>\$100.00</p>
<p>7. Berapa lamakah tempoh produk ini?</p> <p>1 tahun</p>
<p>8. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu saya ketahui?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Awda MESTI mempunyai akaun simpanan Al-Wadiah atau Akaun Syarikat untuk pengagihan dana ke Taib Deposit Certificate atau keuntungan • Keuntungan hanya akan ditentukan pada tempoh kematangan • Tiada keuntungan akan diberikan jika penutupan akaun pada 180 hari atau kurang • 50% daripada kadar semasa akan diberikan jika penutupan akaun melebihi 180 hari sebelum matang
<p>9. Apakah risiko utama yang berkaitan?</p> <p>Tiada jaminan keuntungan pada tempoh matang</p>
<p>10. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?</p> <p>Yuran dan caj adalah tertakluk kepada “Tarif TAIB”.</p>
<p>11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat untuk menghubungi saya?</p> <p>Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat perhubungan awda demi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada awda pada tempoh yang ditetapkan.</p>
<p>12. Di manakah saya boleh mendapat bantuan dan cara penyelesaian?</p> <p>Sila layari www.taib.com.bn atau hubungi pusat panggilan kami 2342626 atau kunjungi cawangan Perbadanan TAIB yang berdekatan</p>
<p>13. Apakah Produk Deposit Bertempoh lain yang sedia ada?</p> <p>AR-RIZQ Deposit</p>

Maklumat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah rujukan sahaja dan tidak mengikat Perbadanan TAIB.